I Menghormati kedaulatan wilayah negara lain
II Tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain
III Mengambil berat tentang rakyat negara lain
IV Memberi perlindungan kepada golongan pelarian

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

12. Apakah peranan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman?
A Menteri Luar Malaysia
B Setiausaha Agung PBB
C Wakil Tetap Malaysia ke PBB
D Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di PBB

13. Bagaimanakah Malaysia memberi kerjasama kepada Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pelarian?
A Menyediakan tapak
B Menganggotai Suruhanjaya
C Menandatangani Konvensyen
D Membenarkan pembukaan pejabat

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pelibatan Malaysia dalam agensi PBB.

> Malaysia aktif dalam Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO).

Apakah hasil pelibatan tersebut?
A Tapak Warisan Dunia
B Mengetuai UN-Habitat
C Menyertai Misi Pengaman
D Menyertai Majlis Keselamatan

15. Apakah negara yang mendapat perkhidmatan daripada pasukan Malaysia?
I Cuba
II Tokyo
III Somalia
IV Kemboja
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16. Apakah peranan Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood?
A Aktivis tempatan
B Doktor wanita Malaysia
C Pelibatan dalam PBB
D Mengetuai Misi Pengaman PBB

17. Maklumat berikut berkaitan tokoh penting dalam agensi PBB.

Tokoh X
• Mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat United Nations Development Programme (UNDP). • Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB. • Wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar.

Siapakah tokoh X?
A Tan Sri Razali Ismail
B Dr. Jomo Kwame Sundaram
C Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
D Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

18. Apakah usaha untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan negara anggota Komanwel?
A ZOPFAN
B Rancangan Colombo
C International Tin Council
D Perjanjian Pertahanan Lima Negara

19. Antara berikut, apakah yang berkaitan dengan kerjasama ekonomi dalam Komanwel?
A Pelaburan wajib
B Kepelbagaian hasil
C Perdagangan bebas
D Penurunan kadar cukai

20. Mengapakah Malaysia lantang menyuarakan bantahan terhadap Dasar Aparteid di Afrika Selatan?
A Ciri komunis
B Dasar pencerobohan
C Menggugat keselamatan negara
D Menyalahgunakan hak asasi manusia

21. Apakah matlamat yang dapat dicapai melalui Sukan Komanwel?
A Kesedaran politik
B Mengelakkan peperangan
C Mengeratkan hubungan antara anggota
D Memelihara hak asasi manusia

22. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa pada tahun 1974.

> Malaysia melibatkan diri secara aktif dalam Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO).

Apakah kepentingan lawatan tersebut?
A Perjanjian pertahanan
B Mendapat pengiktirafan China
C Menamatkan ancaman komunis di Malaysia
D Membuktikan Malaysia mengamalkan dasar berkecuali

23. Apakah kepentingan pinjaman daripada Islamic Development Bank (IsDB)?
A Membantu negara miskin
B Mendirikan Bank Islam Malaysia
C Menangani isu politik negara Islam
D Membiayai projek

LIVEWORKSHEETS